



**ARAHAN PROSEDUR TETAP PERMOHONAN LESEN  
UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI JUALAN HAIWAN  
HIDUP DALAM KURUNGAN BAGI  
PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III AKTA KEBAJIKAN  
HAIWAN 2015 DAN PERATURAN-PERATURAN  
KEBAJIKAN HAIWAN (FI PELESENAN) 2021**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**ARAHAN PROSEDUR TETAP**  
**PERMOHONAN LESEN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI JUALAN HAIWAN HIDUP**  
**DALAM KURUNGAN BAGI PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III AKTA KEBAJIKAN**  
**HAIWAN 2015 DAN PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (FI**  
**PELESENAN) 2021**

**1. PENGENALAN**

Menjual haiwan hidup dalam kurungan adalah salah satu aktiviti yang perlu dilesenkan berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015. Mengikut peruntukan tersebut, tidak seorang pun boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan yang dinyatakan dalam Jadual melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta ini.

Sehubungan dengan peruntukan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil pendekatan untuk menyediakan suatu Arahan Prosedur Tetap yang jelas kepada pemohon lesen yang menjalankan aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan berhubung prosedur permohonan lesen, kategori aktiviti yang perlu memohon lesen serta tempoh permohonan lesen bagi permohonan baharu dan pembaharuan lesen.

Maka, Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti Jualan Haiwan Hidup dalam Kurungan ini boleh memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak supaya arahan dan panduan dapat diberikan secara seragam di seluruh negara. Prosedur ini tertakluk kepada Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021 dan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Perhidmatan Veterinar (DVS).

## **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Menyediakan garis panduan untuk memohon lesen bagi menjalankan aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan.
- 2.2 Mengelakkan kekeliruan kepada orang ramai dan pemohon lesen mengenai prosedur permohonan lesen.
- 2.3 Memastikan arahan yang seragam diterima oleh semua pihak di seluruh negara.

## **3. SKOP**

Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti Jualan Haiwan Hidup dalam Kurungan ini adalah merujuk kepada aktiviti menjual haiwan kesayangan. Ia merangkumi peruntukan di dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021, dasar kebijakan haiwan, keputusan dasar berhubung prosedur permohonan lesen dan keputusan dasar berhubung pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan.

## **4. RUJUKAN**

Rujukan bagi Arahan Prosedur Tetap ini adalah:

- 4.1 Akta Kebajikan Haiwan 2015.
- 4.2 Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021.

- 4.3 Kod Amalan Kebajikan Haiwan – Aktiviti Jualan Haiwan Kesayangan.

## **5. DEFINISI**

### **5.1 Haiwan kesayangan**

Haiwan yang dipelihara oleh mana-mana orang sebagai peneman, hobi, berkhidmat untuk pemunya, untuk pertandingan atau untuk pertunjukan.

### **5.2 Aktiviti jualan haiwan kesayangan**

Aktiviti membeli, menyimpan dan/atau menjual haiwan kesayangan kepada mana-mana individu atau organisasi.

### **5.3 Lembaga Kebajikan Haiwan**

Suatu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kebajikan Haiwan bagi tujuan mentabdir urus Akta Kebajikan Haiwan 2015.

### **5.4 Sistem MyAnimalWelfare**

Suatu sistem dalam talian yang dibangunkan bagi tujuan pengurusan aduan, permohonan lesen, pemantauan yang berkaitan dengan kebajikan dan kezaliman haiwan serta promosi program-program kebajikan haiwan.

## **6. DASAR**

Lembaga Kebajikan Haiwan telah memutuskan supaya aktiviti menjual haiwan hidup dalam kurungan perlu dilesenkan seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan bayaran fi lesen adalah mengikut Jadual di dalam Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021. Pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan adalah mengikut keputusan yang ditetapkan oleh ketetapan dasar Lembaga yang dipersetujui oleh Menteri.

## **7. KATEGORI AKTIVITI JUALAN HAIWAN HIDUP DALAM KURUNGAN YANG PERLU DILESENKAN**

Mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah perlu memohon lesen:

- 7.1 Premis yang menjual haiwan kesayangan;
- 7.2 Mengiklankan perkhidmatan menjual haiwan kesayangan secara fizikal mahupun secara dalam talian; dan
- 7.3 Aktiviti ini perlu dilesenkan walaupun bilangan haiwan yang terlibat adalah seekor.

## **8. KEPERLUAN PEMATUHAN KEPADA KEBAJIKAN HAIWAN**

- 8.1 Semua pemohon lesen dan pemegang lesen bagi menjalankan aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015

serta mengamalkan amalan kebajikan haiwan seperti yang ditetapkan di dalam Kod Amalan Kebajikan Haiwan – Aktiviti Jualan Haiwan Kesayangan.

## **9. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN**

- 9.1 Mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti jualan haiwan kesayangan seperti dalam perkara 7.1 – 7.3 hendaklah membuat permohonan lesen bagi menjalankan aktiviti ini secara dalam talian melalui sistem MyAnimalWelfare: <https://akh.dvs.gov.my>.
- 9.2 Pemohon lesen adalah pengusaha/pemilik syarikat yang menjalankan aktiviti melibatkan haiwan.
- 9.3 Pemohon lesen perlu mendaftar sebagai pengguna sistem dan mendaftarkan premis yang digunakan untuk menjalankan aktiviti.
- 9.4 Sekiranya mempunyai lebih dari satu premis untuk menjalankan aktiviti yang perlu dilesenkan, premis-premis lain perlu didaftarkan terlebih dahulu sebelum memohon lesen.
- 9.5 Pemohon perlu melengkapkan dan menghantar borang permohonan lesen di dalam sistem MyAnimalWelfare. Permohonan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan.
- 9.6 Setelah diluluskan, pemohon akan dimaklumkan melalui sistem MyAnimalWelfare dan e-mel kepada pemohon untuk membuat pembayaran fi pengeluaran lesen/pembaharuan lesen.
- 9.7 Setelah pemohon membuat pembayaran, resit pembayaran perlu dikemukakan kepada urus setia pelesenan untuk cetakan lesen.

- 9.8 Lesen bagi menjalankan aktiviti melibatkan haiwan perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis terbabit.
- 9.9 Carta alir bagi prosedur permohonan lesen adalah seperti di lampiran.

## **10. BAYARAN FI LESEN**

- 10.1 Setelah permohonan lesen diluluskan, pemohon hendaklah membayar fi mengikut butiran berikut:
  - a. Pengeluaran lesen kali pertama – sebanyak RM100
  - b. Pembaharuan lesen – sebanyak RM50
- 10.2 Bayaran lesen boleh dibayar secara manual ke dalam akaun persekutuan di kaunter bayaran seperti yang dinyatakan di dalam inbois yang dijana oleh sistem.
- 10.3 Untuk pengeluaran lesen, resit bayaran perlu dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi pengeluaran lesen di tempat pembayaran dibuat.


## **11. TEMPOH LESEN**

- 11.1 Tempoh lesen bagi permohonan kali pertama adalah ditetapkan selama setahun.
- 11.2 Tempoh pembaharuan lesen adalah ditetapkan selama 3 tahun.
- 11.3 Walau bagaimanapun, Lembaga Kebajikan Haiwan boleh menetapkan apa-apa tempoh sehingga 5 tahun atau lebih

pendek selain daripada tempoh yang ditetapkan di 11.1 dan 11.2.

- 11.4 Tempoh lesen juga akan lebih pendek sekiranya:
  - a. lesen digantung atau dibatalkan;
  - b. pemegang lesen dihalang daripada memegang lesen; atau
  - c. pemegang lesen hilang kelayakan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 52 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

**CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN DI BAWAH AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 MELALUI SISTEM MYANIMALWELFARE**



\*Nota: (1) Permohonan yang memenuhi keperluan dokumentasi pelesahan dianggap lengkap  
(2) - - - - - Aliran proses melengkapkan dokumentasi permohonan

